

ASPEK KOLABORASI DALAM MELAKSANAKAN RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU (RPI) DENGAN MEMBINA SAHSIAH DAN KEROHANIAN MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK)

ASPECT OF COLLABORATION IN IMPLEMENTING INDIVIDUAL EDUCATION PLAN BY BUILDING SAHRI AND SPIRITUALITY STUDENTS NEED SPECIAL EDUCATION

Mohamad Zamri Mohamad Napis¹
Khairul Farhah Khairuddin²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM),Malaysia,(Email:P111866@siswa.ukm.edu.my)

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia, (Email : kfk@ukm.edu.my)

Article history

Received date : 12-5-2023

Revised date : 13-5-2023

Accepted date : 30-5-2023

Published date : 7-7-2023

To cite this document:

Mohamad Napis, M. Z., & Khairuddin, K. F. (2023).
Aspek Kolaborasi Dalam Melaksanakan Rancangan
Pendidikan Individu (RPI) Dengan Membina Sahsiah
Dan Kerohanian Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
(MBPK). *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 6
(19), 26 - 43.

Abstrak: Kolaborasi guru dalam membina sahsiah dan kerohanian Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) adalah penting semasa melaksanakan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) bagi membentuk perwatakan MBPK dan identiti yang baik. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji aspek kolaborasi guru dari segi kemahiran, penerimaan dan alat bantu di sekolah rendah dan menengah untuk membina karakter MBPK berpandukan Rancangan Pendidikan Individu (RPI). Reka bentuk penyelidikan adalah berdasarkan pendekatan kuantitatif melalui tinjauan secara rawak. Pengumpulan data melalui soal selidik dilakukan untuk mendapatkan maklumat demografi responden, serta data tentang aspek kolaborasi guru. Seramai 153 orang guru sekolah rendah dan menengah di daerah Larut, Matang & Selama, Perak, Malaysia terlibat dalam kajian sebagai responden kajian. Data yang dikumpul telah diproses dan dianalisis menggunakan pakej statistik untuk sains sosial (SPSS) melalui kekerapan, min, sisihan piawai, dan ujian Maan-Whitney U bagi mencari perbezaan pembolehubah dengan jantina. Kajian mendapati aspek kolaborasi guru dari segi kemahiran, penerimaan dan alat bantu guru dalam kalangan guru adalah tinggi. Dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan positif antara aspek kolaborasi iaitu kemahiran dan penerimaan guru dengan alat bantu guru. Selain itu, dimensi kerjasama guru didapati mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kemahiran dengan penerimaan serta alat bantu yang digunakan guru. Justeru, dapatan kajian jelas menunjukkan kepentingan mengamalkan aspek kolaborasi antara guru dalam mempengaruhi penerimaan guru dalam membina sahsiah dan kerohanian MBPK.

Kata Kunci: kolaborasi guru, murid berkeperluan khas, Rancangan Pendidikan Individu, sahsiah dan kerohanian

Abstract: *Teachers' collaboration in building the character and spirituality of Special Needs children is important in implementing Individual Education Plan to shape the children's good character and identity. This research is conducted to explore teachers' collaboration in terms of skills, acceptance, and teaching aids in both primary and secondary schools to build the character of MBPK based on the Individual Education Plan. The research design is based on a quantitative approach through a random survey. Data collection through questionnaires was done to obtain demographic information of the respondents and data on aspects of teacher collaboration. A total of 153 primary and secondary school teachers in the districts of Larut, Matang & Selama and Perak, Malaysia, were involved in the study as respondents. The collected data were processed and analyzed using the statistical package for social sciences (SPSS) through frequency, mean, standard deviation, and the Maan-Whitney U test to find differences in variables with gender. The study found that teacher collaboration in terms of skills, acceptance and teacher aids among teachers is high. The findings of the study also found that there is a positive relationship between aspects of collaboration, namely the skills and acceptance of teachers with teaching aids. In addition, the dimension of teacher collaboration was found to be a tool used by teachers. Thus, the study's findings clearly show the importance of practising collaboration between teachers in influencing the teacher's acceptance of building the personality and spirituality of MBPK.*

Keywords: *character and spirituality, children with special needs, Individual Education Plan, teachers' collaboration*

Pengenalan

Kolaborasi yang diterapkan oleh guru merangkumi tahap kemahiran, pengetahuan dan amalan dalam membina Rancangan Pendidikan Individu (RPI) untuk pendidikan khas adalah penting bagi memastikan tahap sahsiah dan kerohanian murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) terjaga dengan baik. Guru dapat merangka program dan aktiviti pendidikan untuk MBPK yang mantap dari segi kolaborasi pelbagai pihak. Program RPI yang berkualiti akan melahirkan MBPK yang mempunyai jati diri baik dan berpengetahuan. Cook dan Friend (2010) menyatakan bahawa kerjasama adalah strategi yang diguna pakai berdasarkan objektif, tanggungjawab untuk membuat keputusan penting, akauntabiliti, berkongsi sumber, dan saling mempercayai dan menghormati yang terhasil daripada rasa kekitaan. Sebagai pemegangtanruh pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI), para guru berkolaborasi, menyelesaikan masalah dan menyusun strategi dengan menyediakan MBPK dalam persekitaran yang sesuai untuk perkembangan pembelajaran mereka. Menurut Gonzales et al. (2017), penglibatan guru dilihat sebagai berfaedah kepada kejayaan MBPK dan banyak kajian telah dijalankan untuk menentukan hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan prestasi pendidikan murid.

Untuk mencapai sesuatu objektif pembelajaran, aktiviti inklusif dan kolaboratif mesti dibangunkan (Ng Rou Shan, Rosadah Abd Majid, 2020). Kerjasama adalah pembangunan dan pengekalan hubungan yang positif di mana setiap orang dilayan sama rata dan mesti mempunyai hak dan peluang yang sama dalam membantu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan melalui perundingan. MBPK memerlukan bantuan daripada pelbagai sumber untuk menawarkan perkhidmatan sokongan kepada mereka. Ibu bapa, pendidik, pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan, masyarakat dan pihak berkepentingan lain turut dilibatkan. Mereka ini menyokong dan membantu kanak-kanak berkeperluan khas secara

langsung dan tidak langsung. Hubungan kolaborasi antara pihak yang terlibat dalam pendidikan khas adalah penting untuk mengenal pasti MBPK serta memastikan kebajikan mereka terpelihara. Ini kerana anak-anak muda ini sering dipinggirkan dan kurang mendapat perhatian umum kerana ketidakupayaan mereka.

Rancangan Pendidikan Individu dilaksanakan untuk Program Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia. Kaedah RPI melibatkan lima peringkat: pengumpulan data, perancangan matlamat, pembangunan RPI yang sesuai dengan matlamat dan keupayaan MBPK, pelaksanaan RPI, dan semakan dan pengemaskinian RPI. Penubuhan jawatankuasa RPI dengan penyertaan pelbagai pihak seperti Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK), guru, ibu bapa atau penjaga, pentadbir, dan kumpulan antara disiplin adalah penting. RPI dilaksanakan kepada semua MBPK berasaskan keperluan mereka.

Sahsiah bermaksud keperibadian kepada seseorang. Menurut kajian Bainah et al. (2017), personaliti merujuk kepada sifat intrinsik seseorang yang tersendiri dan boleh ditunjukkan melalui tingkah laku dan corak pemikiran. Contohnya termasuk perangai, sikap, hobi, cita-cita, dan standard moral yang tinggi. Untuk mengembangkan kekuatan dalaman, kerohanian menyemai dalam diri individu kepentingan, cita-cita dan agama semata-mata. Ia merangkumi sifat-sifat seperti mempunyai akhlak yang teguh dan berakhlak mulia, beriman kepada Tuhan dan agama, mempunyai hati nurani yang bersih, dan menghargai akhlak dan norma sosial yang baik. Penentu moral sosial masyarakat itu, serta sumber peraturannya, adalah kerohanian bagi setiap orang (Wan et al., 2018). Cuba bersikap jujur dan mematuhi perintah dan arahan serta ilustrasi aktiviti pembangunan sosio-emosi, rohani, dan sahsiah adalah sebahagian dari sifat kerohanian yang baik bagi manusia.

Pernyataan Masalah

Kolaborasi guru dalam proses pelaksanaan RPI akan memberikan kesan secara langsung kepada semua murid berkeperluan khas. Menurut kajian yang dijalankan oleh Gee dan Gonsier-Gerdin (2018), kebanyakan guru pendidikan khas hanya mengenali realiti sebenar di dalam dunia pendidikan khas setelah mereka mula mengajar. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan guru-guru untuk membentuk keperibadian MBPK adalah antara cabaran dalam pendidikan. Kajian lalu menunjukkan guru Pendidikan khas yang mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran mengajar MBPK yang rendah, kurang keyakinan dalam pengajaran yang berkesan serta mempunyai tahap penguasaan yang lemah memberi kesan kepada pembelajaran murid (Ansimova et al., 2016). Penggunaan alat bantu perhubungan akan dapat membantu komunikasi antara guru dengan ahli jawatankuasa RPI bagi membina dan melaksanakannya dengan lebih efisien dan teratur. Namun, sama ada guru benar-benar bersedia untuk menerima rakan atau pasangan kerjasama dan adakah mereka mempunyai ilmu serta kemahiran dan penerimaan untuk membina jatidiri MBPK yang diperlukan masih menjadi persoalan. Kajian lanjut perlu dijalankan untuk mengetahui cara menyelesaikan masalah berkaitan aspek kolaborasi guru dan ibu bapa dalam proses pembinaan RPI termasuk pembangunan sahsiah dan kerohanian murid berkeperluan khas.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau aspek kolaborasi dalam pembinaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk:

- i. Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi guru berkolaborasi dalam membina sahsiah dan kerohanian Murid Berkeperluan Khas (MBPK) di dalam RPI.
- ii. Mengenal pasti persepsi guru dalam proses pembinaan RPI termasuk pembangunan sahsiah dan kerohanian Murid Berkeperluan Pendidikan Khas.
- iii. Mengenal pasti alat bantu guru bagi melaksanakan proses kolaborasi di dalam pembinaan RPI.

Persoalan kajian

Kajian ini menumpukan kepada persoalan berikut:

1. Apakah faktor yang mempengaruhi guru berkolaborasi dalam membina sahsiah dan kerohanian murid berkeperluan khas di dalam RPI?
2. Apakah persepsi guru dalam proses pembinaan RPI termasuk pembangunan sahsiah dan rohani murid berkeperluan khas?
3. Apakah alat bantu guru bagi melaksanakan proses kolaborasi di dalam pembinaan RPI?

Tinjauan Literatur

Rancangan Pendidikan Individu adalah salah satu pelan pendidikan khas yang merangkumi perkhidmatan untuk menyokong perkembangan pendidikan MBPK. Matlamatnya adalah untuk membantu MBPK mencapai potensi penuh mereka, memenuhi keperluan khusus dan meningkatkan prestasi pendidikan mereka (Kyrie, (2017). Guru, ibu bapa, dan MBPK yang bekerjasama bagi membina RPI adalah amat penting. Ia berfungsi sebagai rujukan dan pemantauan bagi semua aspek dari segi kekuatan dan kelemahan MBPK. Shaw, (2018) menyatakan bagi meningkatkan Kerjasama ibu bapa dan pasukan RPI, serta integriti keseluruhan proses RPI, adalah satu keperluan kepada MBPK bagi meningkatkan kapasitinya untuk mencapai matlamat yang disasarkan. Kepelbagaian kemahiran dan kepakaran adalah perlu untuk persekitaran pembelajaran MBPK masa kini. Selain itu, menurut Akcin (2022), majoriti guru mempunyai pendapat yang kurang baik tentang bekerjasama untuk melaksanakan RPI. Ini berikutan fakta bahawa guru lebih tertekan untuk menggunakan RPI kerana ibu bapa MBPK mempunyai jangkaan yang terlalu tinggi dan tidak munasabah untuk kemajuan anak-anak mereka.

Peranan yang dimainkan oleh guru semakin penting dalam mengarahkan segala ilmu yang boleh membantu mereka dalam jangka masa panjang. Pendidik khususnya guru Pendidikan Khas adalah penting untuk memastikan di samping ilmu dan kemahiran duniawi yang disampaikan kepada MBPK, adalah penting untuk mereka menyalurkan ilmu yang boleh membentuk sahsiah, kerohanian dan sahsiah MBPK ke arah yang lebih baik dan yang boleh dibanggakan oleh semua lapisan masyarakat. Tambahan pula, Kozikolu dan Albayrak (2022) mendapati bahawa kekurangan perkongsian, kaedah kolaborasi yang berkesan dalam kalangan pasukan RPI boleh menjadikan ia mencabar bagi guru pendidikan khas untuk melaksanakan RPI.

Pembentukan insan yang sempurna dalam kehidupan adalah insan yang sempurna dengan keperibadian dan kerohanian yang berkembang sepenuhnya adalah matlamat dalam pendidikan agama Islam (Shamsul Arifin 2014). Sesungguhnya, wahyu adalah interaksi dengan Pencipta iaitu wujudnya akhlak. "Dan sesungguhnya kamu (Muhammad) benar-benar orang yang bertakwa," firman Allah S.W.T. Nabi Muhammad SAW menyatakan bahawa "Aku diutuskan

untuk menyempurnakan akhlak" dalam konteks yang sama. Bagi melahirkan MBPK yang cemerlang dari segi sahsiah yang seimbang dari segi keperluan jasmani, rohani, mental dan emosi, MBPK Muslim perlu mempelajari dan menggunakan penghayatan agama sebagai faktor utama untuk menjadikan kualiti sahsiah dan rohani mereka lebih baik. Untuk membentuk murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah mereka, adalah penting bagi setiap murid mempelajari dan memahami kerohanian. Jenis orang yang boleh membimbing orang lain dan diri mereka sendiri kepada kesempurnaan dan faedah di dunia dan akhirat ialah mereka yang mempunyai keperibadian yang tinggi.

Sekiranya prinsip kerohanian tidak digunakan dalam kehidupan seharian, isu sosial yang berbeza akan berkembang akibat dilema moral dan etika yang berleluasa dalam masyarakat kontemporari, khususnya yang berkaitan dengan MBPK. Berlakunya isu sosial memberi kesan negatif kepada pembangunan sahsiah dan kerohanian MBPK. Kegagalan untuk menumpukan perhatian dan memberi perhatian kepada pembangunan kerohanian yang sempurna dan stabil adalah satu lagi faktor yang menyumbang kepada kekurangan piawaian moral murni masyarakat. Ketidakpuasan hati ibu bapa MBPK berpunca daripada segelintir pelajar MBPK yang dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak pentadbiran sekolah kerana terlibat dalam kesalahan yang berbeza, seperti dibuang sekolah, digantung sekolah, dan sebagainya.

Proses pendidikan adalah salah satu cara yang paling mudah dan berkesan untuk mencapai objektif pembangunan MBPK kerana ia membantu mengembangkan potensi mereka dan membangunkan semua asas kekuatan yang Allah S.W.T. telah berikan. Ia akan melalui langkah-langkah mengajar, mengasuh, mengarah dan memimpin serta meningkatkan kuasa dan keupayaan dalam memupuk aspek positif dengan mengawal isu keinginan. Menurut Al-Ghazali, ilmu berfungsi sebagai bekal hati (alqalb) dalam Ihya' (al-Ghazali, 1988: 904), dan kelebihan yang akan dialami seseorang untuk rohaniannya daripada bekal ilmu ialah amal yang baik. Beliau membincangkan ilmu dan makrifat dengan panjang lebar dalam Ihya' (al-Ghazali, 1988: 39–321) dan Minhaj al-cAbidin (al-Ghazali, 1964: 17–23) kerana beliau memahami kepentingan fungsi ilmu dalam pertumbuhan rohani. Untuk menyokong salah satu pendapatnya tentang kelebihan ilmu apabila ia boleh menimbulkan rasa takut (kepada pemiliknya) kepada Allah, beliau menggunakan ayat 28 Surah Fatir, yang menyatakan, "Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya ialah ulama, khususnya para ilmunan." S.W.T.

Kemahiran Guru Pendidikan Khas Melaksanakan RPI

Keupayaan pendidik melaksanakan RPI ditunjukkan melalui komitmen mereka terhadap organisasi dan kesanggupan mereka untuk berpegang teguh dengan kemahirannya (Amalina et al. 2017). Ia dilihat sebagai ikatan psikologi yang menghubungkan rangkaian dengan majikan dan antara pekerja dengan organisasi (Mohd Khairuddin et al. 2017). Kemahiran yang ditunjukkan oleh guru pendidikan khas dalam membina sahsiah dan kerohanian MBPK di dalam RPI ini ialah perasaan akauntabiliti yang kuat dan dedikasi menyeluruh diperlukan untuk berjaya. Kepercayaan dan keyakinan dipengaruhi oleh dedikasi guru dan dilihat sebagai pemangkin antara tindakan individu dan hasil aktiviti tersebut.

Kejayaan beberapa keputusan, terutamanya yang berkaitan dengan akademik dan pembangunan insan, dipengaruhi oleh kualiti guru. Ia terdiri daripada kapasiti untuk mengubah tingkah laku pelajar semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan menjana keputusan akademik yang membuahkan hasil (Awanis et al. 2016). Kemahiran guru adalah faktor yang mungkin memberi kesan kepada prestasi pelajar. Dengan bekerja lebih gigih dan mengembangkan dedikasi mereka untuk meningkatkan kemahiran diri mengikut tuntutan dan

kehendak terkini, guru yang komited mampu mengatasi sebarang kesulitan yang timbul semasa proses pembelajaran dan pengajaran mereka (Baharuzaini et al. 2016).

Penerimaan Guru Melaksanakan RPI

Penerimaan guru terhadap RPI sangat mempengaruhi keberkesanan pelaksanaannya. Hanya 1% daripada responden, menurut Fowler (2019), mendakwa mereka tidak merujuk kepada RPI. Lebih daripada 50% responden mendakwa mereka melakukannya setiap hari atau mingguan, manakala selebihnya mengekalkan tidak melakukannya. Ini menunjukkan bahawa guru percaya RPI sebagai alat yang sangat membantu untuk mengenal pasti strategi pengajaran yang paling berkesan berdasarkan kriteria MBPK. Dapatan daripada kaji selidik yang dijalankan, Fowler et. al. (2019) mendapati bahawa majoriti guru mendakwa mereka mempunyai masa yang tidak mencukupi untuk menyediakan pelajaran, bekerjasama dengan guru lain, atau bekerja dengan pasukan RPI. Menurut Kartika et al. (2018) berbeza dengan tanggungjawab sebenar mereka, guru banyak menghabiskan masa untuk tugas pentadbiran dan perkeranian sehingga mengganggu tugas mereka dan menghalang mereka daripada menumpukan perhatian kepada pengajaran dan pembelajaran MBPK. Guru juga hendaklah mengabdikan diri kepada pewujudan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Sebelum menggunakan RPH, guru mesti mengenali ketidakupayaan MBPK yang berbeza yang terdapat dalam kelas. Disebabkan mereka juga mesti mengarahkan MBPK daripada tahap kemahiran yang berbeza-beza, guru mendapati sukar untuk menumpukan perhatian kepada mendidik seorang murid pada satu masa.

Ibu bapa harus meneruskan usaha guru mengajar MBPK di rumah agar ada kesinambungan dalam pembelajaran MBPK secara berterusan. Amran et al. (2019) mendakwa majoriti ibu bapa MBPK tidak memikul tanggungjawab pendidikan di rumah sebaliknya hanya bergantung kepada usaha tenaga pengajar di sekolah. Memandangkan proses pengajaran hanya berlaku di sekolah dan tidak berlanjutan di rumah, ini menjadikan usaha guru mencabar. Kebanyakan ibu bapa percaya bahawa matlamat RPI adalah untuk menguatkuasakan kontrak yang telah diwujudkan dalam sistem pendidikan. Untuk mengukuhkan pendekatan guru bagi menjayakan RPI, kerjasama dalam kalangan guru adalah penting (Ambrosetti & Cho, 2005). Peranan guru pendidikan khas di Malaysia adalah untuk menyebarkan maklumat dan mendidik ibu bapa tentang nilai RPI khususnya di luar bandar. Oleh itu, isu kerjasama ibu bapa mungkin dilihat sebagai satu bebanan dan kekangan oleh guru pendidikan khas.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif. Menurut Creswell (2005), kaedah yang ideal untuk menjalankan tinjauan dalam penyelidikan kuantitatif adalah apabila sampel atau komuniti penuh dikaji. Tinjauan ini telah dijalankan di sekolah rendah dan menengah (LMS) PPKI di daerah Larut, Matang, dan Selama di negeri Perak sahaja disebabkan pengkaji seorang guru Pendidikan Khas masalah pembelajaran di dalam daerah LMS bagi memudahkan untuk proses pengumpulan data. Populasi kajian ini adalah 200 orang guru Pendidikan Khas di daerah LMS. Pensampelan yang digunakan merupakan pensampelan rawak. Kriteria pemilihan sampel adalah guru Pendidikan Khas daerah LMS di negeri Perak sahaja. 153 guru Pendidikan Khas dari sekolah rendah dan menengah daerah LMS menjadi sampel kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk menjalankan dan mengumpul data bagi kajian ini ialah soal selidik. Tinjauan yang diberikan telah diadaptasi daripada kajian Nasibah Omar Zuhdi (2021), dan ia mengandungi soalan yang bahannya relevan dengan matlamat kajian. Terdapat tiga bahagian dalam soal selidik. Data demografi berada dalam Bahagian A, dan Aspek kolaborasi

guru membina sahsiah dan kerohanian MBPK berada dalam Bahagian B. Bahagian C adalah persepsi iaitu Penerimaan guru dalam berkolaborasi. Setiap item soal selidik dibina bagi mengukur tahap kompetensi guru. Terdapat 50 item dalam tinjauan ini, termasuk soalan demografi responden yang terkandung dalam soal selidik Aspek kolaborasi dalam melaksanakan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) dengan membina sahsiah dan kerohanian murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK). Borang soal selidik dibina berdasarkan jawapan 4-Sangat setuju, 3-Setuju, 2-Kurang setuju, dan 1-Tidak setuju pada skala Likert empat mata.

Kaedah Pengumpulan dan analisis data

Bagi mengumpul maklumat data untuk kajian, kajian menggunakan pelbagai strategi pengumpulan data. Proses utama yang perlu dilalui ialah mendapat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia sebelum proses pengumpulan data dijalankan. Bagi mendapatkan kelulusan menjalankan penyelidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (BPPP) Kementerian Pendidikan Malaysia akan didekati. Laman web e-RAS menerima penyerahan dalam talian untuk permohonan ini. Penyelidik mesti melengkapkan setiap bahagian e-RAS dengan tepat dengan semua data yang diperlukan. Mengikut kebenaran BPPP, penyelidik perlu berurusan dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak dengan menghantar surat. Sebelum mengumpul data, surat daripada JPN dan PPD yang meluluskan perjalanan kajian hendaklah dikeluarkan kepada sekolah terbabit. Hanya selepas menerima kebenaran instrumen soal selidik boleh disediakan secara dalam talian kepada sekolah yang mengambil bahagian. Ciri data seperti kekerapan dan indeks kecenderungan memusat diterangkan menggunakan analisis deskriptif kuantitatif (min, sishan piawai). Analisis ini akan menyerlahkan kecenderungan utama responden, seperti sama ada mereka cenderung untuk menyatakan pertimbangan positif atau negatif. Keputusan data daripada skala likert dan markah pencapaian dengan tambahan kepada ujian Mann-Whitney U yang digunakan untuk menjawab pertanyaan kajian. Analisis data deskriptif kuantitatif akan digunakan untuk menyediakan fakta dalam format yang lebih mudah difahami. Menggunakan program statistik SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*), data ini akan diproses. Hasilnya akan dikira berdasarkan kekerapan.

Dapatan

Demografi Responden

Responden yang terlibat adalah Guru Pendidikan Khas yang bertugas di sekolah rendah dan menengah di daerah Larut, Matang, dan Selama, dalam negeri Perak dimasukkan dalam kajian ini. Item yang terlibat dalam kajian ini meliputi jantina, tahap pendidikan, pengalaman mengajar dan tempat berkhidmat. Berikut merupakan dapatan yang diperoleh pada bahagian A terhadap demografi 153 orang guru Pendidikan Khas dalam daerah LMS di negeri Perak :

Jadual 1: Analisis Demografi

Item	Kategori	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	62	40.5%
	Perempuan	91	59.5%
Umur	Berumur 21 hingga 25	10	6.5%
	Berumur 26 hingga 30	10	6.5%
	Berumur 31 hingga 35	30	19.6%
	Berumur 36 hingga 40	46	30.1%
	Berumur 41 tahun atau ke atas	57	37.3%

Tempat Berkhidmat	PPKI sekolah rendah	90	58.8%
	PPKI sekolah menengah	63	41.2%
Pengalaman Mengajar	1 - 5 tahun	9	5.9%
	6 - 10 tahun	32	20.9%
	11 - 15 tahun	41	26.8%
	16 -20 tahun	29	19.0%
	21 - 25 tahun	18	11.8%
	Lebih 25 tahun	24	15.7%
Tahap Pendidikan	Diploma	12	7.8%
	Ijazah Sarjana Muda	108	70.6%
	Sarjana	33	21.6%

Berdasarkan Jadual 1, guru Pendidikan Khas perempuan lebih ramai dengan kekerapan 91 orang (59.5%) dan guru Pendidikan Khas lelaki dengan kekerapan 62 orang (40.5%) daripada jumlah keseluruhan responden. Kategori umur pula mewakili umur 21 hingga 25 tahun hanya mempunyai 10 kekerapan bersamaan (6.5%). Bagi kategori umur 26 hingga 30 tahun kekerapan yang diperolehi sebanyak 10 sahaja dengan (6.5%). Seterusnya kategori umur 31 hingga 35 tahun sebanyak 30 kekerapan yang diperolehi dengan bacaan (19.6%). Seterusnya tahap umur antara 36 hingga 40 tahun adalah sebanyak 46 kekerapan bersamaan 30.1%. Untuk kategori 41 tahun dan ke atas pula sebanyak 57 kekerapan bersamaan 37.3%. Pembolehubah seterusnya adalah kategori tempat berkhidmat iaitu mewakili PPKI rendah sebanyak 90 kekerapan bersamaan 58.8% manakala PPKI menengah mempunyai kekerapan sebanyak 63 (41.2%). Untuk kategori pengalaman mengajar iaitu dari 1 hingga 5 tahun sebanyak 9 kekerapan yang diperolehi bersamaan 5.9%. Bagi pengalaman mengajar dari tahun ke 6 hingga tahun ke 10 pula sebanyak 32 kekerapan direkodkan bersamaan 20.9% manakala 11 hingga 15 tahun pula sebanyak 41 kekerapan dengan jumlah 26.8%. Seterusnya pengalaman mengajar dari 16 hingga 20 tahun memperoleh 29 kekerapan dengan nilai 19.0%. Untuk pengalaman dari 21 hingga 25 tahun pula sebanyak 18 kekerapan bersamaan 11.8% manakala pengalangan mengajar untuk tahun ke 25 dan ke atas pula adalah 24 bersamaan 15.7%. Bagi tahap pendidikan responden kajian pula didapati majoriti mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan peratusan 70.6%, Sarjana dengan peratusan 21.6% manakala Diploma dengan peratusan 7.8%.

Analisis Frekuensi Min dan Sisihan Piawai Kemahiran Guru Membentuk Sahsiah Dan Kerohanian MBPK.

Item	Item	N	Skor Min	Sisihan Piawaian (SD)	Intepretasi
B2.1	Saya mengumpul maklumat MBPK sebelum membina RPI.	153	3.36	0.675	Sederhana Tinggi
B2.2	Saya berkebolehan dalam memproses maklumat MBPK bagi menghasilkan matlamat mengenai sahsiah dan rohani mengikut keperluan MBPK dalam RPI	153	3.21	0.558	Sederhana Tinggi
B2.3	Saya boleh mendidik membentuk sahsiah dan kerohanian untuk objektif jangka panjang mengikut keperluan MBPK dalam RPI	153	3.16	0.633	Sederhana Tinggi

B2.4	Saya berkebolehan dalam mengenal pasti tingkah laku MBPK di bawah seliaan saya.	153	3.19	0.680	Sederhana Tinggi
B2.5	Saya boleh menghasilkan perancangan RPI	153	3.17	0.615	Sederhana Tinggi
B2.6	Saya mahir dalam membina RPH selari dengan RPI MBPK.	153	3.09	0.672	Sederhana Tinggi
B2.7	Saya berkemahiran dalam mempelbagaikan strategi mengenai sahsiah MBPK.	153	3.14	0.689	Sederhana Tinggi
B2.8	Saya berkemampuan untuk melakukan modifikasi terhadap sahsiah dan kerohanian mengikut kefungsi MBPK.	153	3.11	0.568	Sederhana Tinggi
B2.9	Saya mahir dalam mengukur kebolehcapaian MBPK terhadap sahsiah dan rohani mereka.	153	3.04	0.691	Sederhana Tinggi
B2.10	Saya mahir dalam menyediakan RPH yang berkesinambungan dengan RPI yang dibina.	153	3.08	0.658	Sederhana Tinggi
B2.11	Saya tidak menghadapi kesukaran untuk melaksanakan RPI kepada MBPK ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.	153	3.02	0.711	Sederhana Tinggi
B2.12	Saya berkebolehan untuk membuat penilaian berterusan terhadap peningkatan sahsiah dan kerohanian dalam pembelajaran MBPK menerusi RPI.	153	3.12	0.652	Sederhana Tinggi
Keseluruhan:		153	7.52	0.976	Tinggi

Dapatan memaparkan keseluruhannya mempunyai nilai skor min 7.52 dan sisihan piawai 0.976 pada tahap persetujuan yang tinggi. Didapati kesemua item yang diukur mencatatkan tahap persetujuan sederhana tinggi. Nilai min yang paling tinggi ditunjukkan dan membuktikan bahawa Saya mengumpul maklumat MBPK sebelum membina RPI. (min = 3.36, SD = 0.675, n = 153) pada item yang pertama. Selain itu, item kedua membuktikan bahawa guru Pendidikan Khas juga berkebolehan dalam memproses maklumat MBPK bagi menghasilkan matlamat mengenai sahsiah dan rohani mengikut keperluan MBPK dalam RPI (min = 3.21, SD = 0.558, n = 153). Daripada dapatan ini, membuktikan bahawa guru Pendidikan Khas daerah LMS mempunyai pengetahuan yang luas dalam membina sahsiah dan kerohanian MBPK. Kesemua item yang diukur mencatatkan tahap persetujuan yang tinggi. Oleh itu, nilai skor min yang tinggi ini menunjukkan bahawa semua guru Pendidikan Khas di daerah LMS, Perak mempunyai tahap kemahiran yang tinggi dalam membina sahsiah dan kerohanian Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di dalam Rancangan Pendidikan Individu (RPI).

Analisis Frekuensi Min Dan Sisihan Piawai Penerimaan Guru Membentuk Sahsia Dan Kerohanian MBPK.

Bil	Item	N	Skor Min	Sisihan Piawaian (SD)	Intepretasi
C1	Saya sentiasa memberikan komitmen terhadap proses pembinaan sahsiah dan kerohanian RPI untuk MBPK.	153	3.38	0.628	Sederhana Tinggi
C2	Saya menerima keperluan RPI untuk proses kolaborasi MBPK, ibu bapa dan pentadbir yang diwajibkan pelaksanaannya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.	153	3.33	0.640	Sederhana Tinggi
C3	Saya mendapati bahawa kebanyakan guru-guru PPKI memberikan komitmen yang tinggi dengan menerapkan aspek kolaborasi dalam melaksanakan RPI untuk MBPK.	153	3.24	0.620	Sederhana Tinggi
C4	Saya sentiasa berusaha menghasilkan strategi baru dan peka dengan keperluan MBPK ketika proses pembinaan sahsiah dan kerohanian mereka ke dalam RPI.	153	3.18	0.622	Sederhana Tinggi
C5	Saya sentiasa memastikan RPI yang dibina menepati strategi dan keperluan MBPK secara khusus.	153	3.35	0.621	Sederhana Tinggi
C6	Saya sentiasa menerapkan aspek kolaborasi dan positif terhadap perubahan dan penambahbaikan yang dilakukan oleh pihak atasan dalam pelaksanaan RPI.	153	3.32	0.594	Sederhana Tinggi
Keseluruhan:		153	3.96	0.503	Tinggi

Hasil dapatan analisis data memaparkan keseluruhannya nilai skor min 3.96 dan sisihan piawai 0.503, menunjukkan persetujuan yang sangat baik. Didapati kesemua pengukuran telah mencapai peringkat kelulusan sederhana tinggi. Nilai min yang paling tinggi ditunjukkan dan membuktikan guru pendidikan khas sentiasa memberikan komitmen terhadap proses pembinaan sahsiah dan kerohanian RPI untuk MBPK . (min = 3.38, SD = 0.628, n = 153) pada item yang pertama. Selain itu, item kedua membuktikan bahawa guru Pendidikan Khas menerima keperluan RPI untuk proses kolaborasi MBPK, ibu bapa dan pentadbir yang diwajibkan pelaksanaannya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. (min = 3.33, SD = 0.640, n = 153). Daripada dapatan ini, membuktikan bahawa guru Pendidikan Khas daerah LMS di negeri Perak mempunyai tahap amalan yang tinggi dalam membina sahsiah dan kerohanian MBPK. Tahap persetujuan yang sederhana tinggi didapati untuk semua item yang diukur. Oleh itu, nilai skor min yang tinggi ini menunjukkan bahawa semua guru Pendidikan Khas di daerah LMS, Perak mempunyai tahap penerimaan tugas yang tinggi dalam membina sahsiah dan kerohanian Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di dalam Rancangan Pendidikan Individu (RPI).

Bebanan Dan Kekangan Serta Alat Bantu Guru Dalam Proses Kolaborasi Bagi Membentuk Sahsiah Dan Kerohanian MBPK

Bil	Item	N	Skor Min	Sisihan Piawaian (SD)	Intepretasi
C3.1	Saya sentiasa berusaha gigih untuk menghasilkan RPI yang berkesan.	153	3.33	0.640	Sederhana Tinggi
C3.2	Saya merasakan guru mempunyai masa yang cukup untuk melaksanakan RPI dengan berkesan.	153	2.83	0.872	Sederhana rendah
C3.3	Ibu bapa, guru-guru dan pentadbir sekolah bersama-sama memberi input sepanjang proses pembinaan RPI.	153	3.00	0.819	Sederhana rendah
C3.4	Ibu bapa dan keluarga MBPK sentiasa memberikan kerjasama sepanjang proses pembinaan RPI.	153	3.12	0.703	Sederhana Tinggi
C3.5	Pihak pentadbir sekolah sentiasa memberikan komitmen dan kerjasama yang padu terhadap proses pembinaan RPI.	153	3.13	0.715	Sederhana Tinggi
C3.6	Saya suka menggunakan alat bantu perhubungan seperti telefon bimbit untuk menghubungi ibu bapa untuk berbincang proses RPI.	153	3.05	0.823	Sederhana Tinggi
C3.7	Saya suka menggunakan aplikasi whatsapp sebagai alat bantu perhubungan untuk proses pembinaan RPI.	153	3.37	0.688	Sederhana Tinggi
C3.8	Saya suka menggunakan aplikasi telegram sebagai alat bantu perhubungan untuk proses pembinaan RPI.	153	3.01	0.801	Sederhana Tinggi
C3.9	Rakan guru PPKI sangat memberikan kerjasama yang baik semasa pembnaan RPI.	153	3.32	0.595	Sederhana Tinggi
C3.10	Kolaborasi antara guru PPKI dalam penyediaan RPI adalah sangat membantu dan berkesan.	153	3.32	0.648	Sederhana Tinggi
C3.11	Saya tidak menghadapi sebarang masalah untuk membina dan melaksanakan RPI yang berkesan untuk MBPK.	153	3.23	0.704	Sederhana Tinggi
C3.12	Saya merasakan format dan prosedur RPI sedia ada sangat mudah dan berkesan.	153	3.15	0.752	Sederhana Tinggi
C3.13	Aspek kolaborasi yang diterapkan oleh guru dan pihak yang terlibat dalam proses melaksanakan RPI adalah penting untuk membina sahsiah dan kerohanian MBPK dalam menghasilakn jati diri mereka ke arah lebih baik.	153	3.23	0.678	Sederhana Tinggi
Keseluruhan:		153	8.23	1.185	Tinggi

Analisis Data Ujian Mann-whitney U

Jadual 2: Keputusan Ujian Mann-Whitney U Perbezaan Kemahiran, Penerimaan Dan Bebanan Dengan Faktor Jantina

Aspek	Jantina	N	Min Pangkatan	Jumlah Pangkatan	Mann-Whitney U	Z	Sig.
Kemahiran	Lelaki	62	76.61	4750.00	2797.00	-0.090	0.929
	Perempuan	91	77.26	7031.00			
Penerimaan	Lelaki	62	74.41	5613.50	2660.500	-0.604	0.546
	Perempuan	91	78.76	7167.50			
Bebanan dan kekangan serta Alat bantu	Lelaki	62	73.97	4586.00	2633.000	-0.590	0.555
	Perempuan	91	78.24	7042.00			

*p< 0.05

Perbezaan Kemahiran Dan Penerimaan Terhadap Pembinaan Sahsiah Dan Kerohanian MBPK Di dalam RPI Berdasarkan Jantina;

Hipotesis nol yang akan diuji dalam menentukan perbezaan kemahiran dan penerimaan guru bagi pembinaan sahsiah dan kerohanian MBPK di dalam RPI adalah;

H_{01a} :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran guru terhadap pembinaan sahsiah dan kerohanian MBPK di dalam RPI berdasarkan jantina.

H_{01b} :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penerimaan guru terhadap pembinaan sahsiah dan kerohanian MBPK berdasarkan jantina.

Berdasarkan analisis data menggunakan Ujian Mann-Whitney U yang telah dijalankan, hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran guru lelaki dan perempuan dalam membina sahsiah dan kerohanian MBPK.

di dalam RPI [$U (N_1= 62, N_2= 91) = 2797.00, p < 0.05$]. Nilai min pangkat kumpulan responden perempuan (77.26) yang mengatasi kumpulan responden lelaki (76.61) menunjukkan kumpulan responden perempuan dalam populasi kajian mempunyai kemahiran yang lebih baik dalam membina sahsiah dan kerohanian MBPK dalam RPI. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kajian ini berjaya menolak hipotesis nol iaitu tidak terdapat perbezaan kemahiran antara responden lelaki dan perempuan berhubung pembinaan sahsiah dan kerohanian MBPK dalam RPI kerana hasil kajian adalah signifikan dengan $p = 0.929, p < 0.05$. Berdasarkan analisis data menggunakan Ujian Mann-Whitney U yang telah dijalankan, keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara penerimaan guru lelaki dan perempuan terhadap pembinaan sahsiah dan kerohanian MBPK di dalam RPI [$U (N_1= 62, N_2= 91) = 2660.500, p < 0.05$]. Nilai min pangkat kumpulan responden perempuan (78.76) yang mengatasi kumpulan responden lelaki (74.41) menunjukkan bahawa kumpulan responden perempuan dalam populasi kajian memiliki tahap penerimaan yang lebih baik terhadap pembinaan sahsiah dan kerohanian MBPK di dalam RPI. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa kajian ini berjaya menolak hipotesis nul iaitu tidak terdapat perbezaan penerimaan antara responden guru lelaki dan perempuan terhadap pembinaan sahsiah dan kerohanian MBPK di dalam RPI kerana keputusan kajian adalah signifikan dengan $p = 0.546, p < 0.05$.

Berdasarkan analisis data menggunakan Ujian Mann-Whitney U yang telah dijalankan, keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara bebanan bersama alat bantu guru lelaki dan perempuan terhadap pembinaan sahsiah dan kerohanian MBPK di dalam RPI [$U(N_1=62, N_2=91) = 2633.000, p < 0.05$]. Nilai min pangkatan kumpulan responden perempuan (78.24) yang mengatasi kumpulan responden lelaki (73.97) menunjukkan bahawa kumpulan responden perempuan dalam populasi kajian memiliki bebanan dan alat bantu yang lebih baik terhadap pembinaan sahsiah dan kerohanian MBPK di dalam RPI. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa kajian ini berjaya menolak hipotesis nul iaitu tidak terdapat perbezaan bebanan dan alat bantu antara responden guru lelaki dan perempuan terhadap pembinaan sahsiah dan kerohanian MBPK di dalam RPI kerana keputusan kajian adalah signifikan dengan $p = 0.555, p < 0.05$.

Perbincangan

Kebanyakan responden menyatakan bersetuju bahawa mereka memahami dengan jelas mengenai konsep RPI dan mempunyai pengetahuan yang luas tentang tatacara membina RPI. Majoriti responden juga bersetuju bahawa mereka mempunyai kemahiran yang tinggi dalam memproses maklumat MBPK bagi menghasilkan RPI yang bertepatan dengan keperluan MBPK. Seterusnya, kebanyakan responden juga menyatakan bersetuju bahawa aspek kemahiran guru berkolaborasi melaksanakan RPI untuk MBPK di PPKI adalah sangat baik mengikut prosedur pelaksanaan RPI yang telah ditetapkan. Daripada dapatan ini menunjukkan bahawa kemahiran guru PPKI terhadap proses melaksanakan RPI berada pada tahap sangat tinggi. Dapatan data menunjukkan terdapat sebilangan responden yang menyatakan guru PPKI cukup terlatih, berkemahiran tinggi dan sangat kompeten dalam melaksanakan RPI untuk MBPK. Objektif RPI pula ditentukan mengikut keupayaan MBPK secara individu. Dapatan ini bertepatan dengan dapatan kajian Ruppap et al. (2016) yang mendapati guru PPKI mempunyai kemahiran yang rendah dalam membuat gabungan pembelajaran merentas kurikulum serta kurang cekap dalam penggunaan strategi dan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan MBPK. Fowler et al. (2019) menyatakan bahawa kebanyakan guru-guru pendidikan khas menyatakan mereka ditekan dengan kekurangan masa untuk merancang RPI serta membuat perbincangan bersama rakan guru dan pasukan RPI. Bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Shaw (2018) menyatakan bagi meningkatkan keupayaan MBPK mencapai matlamat yang dihasratkan, ia bergantung kepada kerjasama pasukan RPI dan juga integriti keseluruhan proses RPI. Ini menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran dan amalan pelaksanaan RPI dalam kalangan guru PPKI masih perlu ditambah baik dan ditingkatkan melalui kursus pementapan atau latihan yang berterusan agar guru dapat menguasai setiap pendekatan dan strategi dalam pelaksanaan RPI yang berkesan untuk perkembangan MBPK. Dapatan ini menunjukkan bahawa kedua-dua pembolehubah ini bergerak dalam arah yang sama. Apabila penerimaan guru terhadap RPI tinggi, maka tahap kemahiran guru dalam membina sahsiah dan kerohanian MBPK didalam RPI juga akan meningkat dan begitu juga sebaliknya. Oleh itu adalah sangat penting untuk guru PPKI mempunyai persepsi yang positif terhadap pelaksanaan RPI.

Penggunaan alat bantu guru untuk perhubungan di antara guru dengan pentadbir, ibu bapa mahupun pasukan RPI dapat dibuktikan dalam kajian ini adalah lebih menggunakan aplikasi *whatapps* sebagai alat untuk berkolaborasi. Dengan kemajuan teknologi dalam pendidikan dan pengajaran, guru boleh bekerjasama dengan lebih mudah, pantas dan cekap dengan alatan yang mereka gunakan untuk meningkatkan hasil pembelajaran walaupun dalam keadaan yang tidak menentu. Melalui media *WhatsApp Group*, salah satu alternatif teknologi komunikasi, guru difikirkan boleh bekerjasama dengan ahli jawatankuasa RPI dengan cara yang sangat membantu. Mereka juga akan dapat membantu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada

MBPK khususnya untuk membantu mereka mengembangkan kemahiran diri, sahsiah dan kerohanian.

Implikasi

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian, dapat kita lihat dengan jelas aspek kolaborasi iaitu kemahiran dan persepsi guru dari segi penerimaan guru bagi melaksanakan RPI ini dari sudut pandangan para guru sebagai agen pelaksana adalah sangat positif dan saling berkait antara satu sama lain. Guru PPKI selaku tunggak utama pelaksanaan RPI untuk MBPK semestinya lebih mengetahui dimanakah kedudukan RPI ini dalam pendidikan dan membina jati diri sahsiah dan kerohanian untuk MBPK. Proses pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada kebolehan dan kemahiran guru pendidikan khas (Zaaim, 2019). Kebanyakan guru melaksanakan RPI hanya kerana tuntutan kerja dan tanggungjawab yang wajib mereka laksanakan kerana ianya dipantau oleh pihak atasan. Ini menyebabkan pelaksanaan RPI tidak begitu berkualiti dan berkesan. Perkara ini disokong dengan pendapat Suhartika Kasimun & Rosadah Abd Majid (2020) mengatakan kompetensi guru, tauliah pendidikan guru, motivasi guru, kemudahan sekolah, murid, dan elemen lain adalah antara yang menentukan kualiti pendidikan. Goodwin et al. (2022) menggesa guru untuk membangunkan matlamat RPI yang berkaitan dengan keperluan MBPK, iaitu matlamat yang bukan sahaja boleh diukur tetapi juga berkualiti tinggi. Oleh itu, diharapkan guru-guru PPKI berusaha untuk mendalami dan meningkatkan pengetahuan mereka mengenai RPI melalui pembelajaran sendiri agar keberkesannya memberi manfaat kepada perkembangan MBPK.

Kesimpulan

Aspek kolaborasi diterapkan oleh guru-guru yang berkualiti dan berkesan sangat penting dalam usaha membentuk sahsiah dan kerohanian diri MBPK. Guru sebagai pihak yang melaksanakannya memegang peranan utama dalam memastikan ianya dirancang, dibina, dilaksanakan, dinilai dan dikemaskini dengan tersusun dan menepati keperluan MBPK. Namun begitu, guru PPKI sangat memerlukan kerjasama, sokongan dan dokongan daripada semua pihak termasuk guru perdana, ibu bapa, pentadbir sekolah, pegawai perubatan, kumpulan sokongan seperti 3 PK dan komuniti. Ini adalah kerana kolaborasi dengan pelbagai pihak dapat membantu guru mengumpul maklumat MBPK dengan lebih lengkap dan terperinci untuk menghasilkan RPI yang bertepatan dengan keperluan MBPK dan seterusnya meningkatkan keupayaan sahsiah dan kerohanian MBPK ke tahap yang lebih baik. Selain itu pihak atasan seperti KPM, BPK, JPN dan PPD juga mestilah turut sama dalam usaha meningkatkan kemahiran guru PPKI agar amalan pelaksanaan RPI di sekolah dapat memberikan impak positif kepada MBPK. Kebanyakan guru PPKI sentiasa komited dan bersedia memberikan yang terbaik untuk MBPK. Lantaran itu, dengan bimbingan dan latihan yang berterusan akan memantapkan lagi kemahiran mereka dan seterusnya meningkatkan tahap kemahiran mereka ke tahap yang lebih baik.

Rujukan

- Akcin, F. N. (2022). Identification of The Processes of Preparing Individualized Education Programs (IEP) by Special Education Teachers, and of Problems encountered therein. *Educational Research and Reviews*, 17(1), 31-45. <https://doi.org/10.5897/ERR2021.4217>
- Almoghyrah, H. 2021. The Challenges of Implementing Individualised Education Plans with Children with Down Syndrome at Mainstream Schools in Riyadh, Saudi Arabia: Teachers' Perspectives. *International Journal of Disability, Development and Education*, 1–23. doi:10.1080/1034912x.2020.1870666

- Al-Shammari, Zaid; Hornby, Garry. 2019. Special Education Teachers' Knowledge and Experience of IEPs in the Education of Students with Special Educational Needs. *International Journal of Disability, Development and Education*, 115. doi:10.1080/1034912X.2019.1620182
- Bainah Mustpha, Abd Rahim Marzuki, Zahanin Ismail & Fazidah Mohamad Nor.2017. Aplikasi nilai-nilai Islam dalam pendidikan khas. 2nd International Conference On Education, *Islamic Studies and Social Sciences Research*.Bandung: Jakarta.
- Blackwell, W.H. and Rossetti, Z.S., 2014. The development of individualized education programmes: where have we been and where should we go now? *Sage Open*,1–15. doi: 10.1177/2158244014530411.
- Bonnie Billingsley, Elizabeth Bettini, Hannah Morris Mathews & James McLeskey.2020.Improving Working Conditions to Support Special Educators Effectiveness: A Call for Leadership.*Teacher Education and Special Education*, Vol. 43(1) 7–27.doi: 10.1177/0888406419880353
- Bricker, Diane D.; Felimban, Huda S.; Lin, Fang Yu; Stegenga, Sondra M.; Storie, Sloan Malley. (2020). A Proposed Framework for Enhancing Collaboration in Early Intervention/Early Childhood Special Education. *Topics in Early ChildhoodSpecialEducation*,027112141989068 doi:10.1177/0271121419890683
- Bryman, A., & Cramer, D.2012. Quantitative data analysis with IBM SPSS 17, 18 & 19: A guide for social scientists. Routledge
- Clark, Susan G. 2000. The IEP Process as a Tool for Collaboration. *TEACHING Exceptional Children*, 33(2), 56–66. doi:10.1177/004005990003300208
- CioÃPeÃa, MarÃa 2020. Planning Inclusion: The Need to Formalize Parental Participation in Individual Education Plans (and Meetings). *The Educational Forum*, 84(4), 377–390. doi:10.1080/00131725.2020.1812970
- Collier, M., Keefe, E. B. & Hirrel. L. A.2015. Preparing Special Education Teachers to CollaborateWith Families. *School Community Journal*, 25 (1)
- Cook, B. G., Haggerty, N., & Smith, G. 2019. *Leadership and instruction: Evidence-based practices in special education*. In J. Crockett, B. Billingsley, & M. L. Boscardin (Eds.), *Handbook of leadership and administration for special education* (pp. 18-38). New York, NY: Routledge.
- Cook, L., & Friend, M. 2010. The state of collaboration on behalf of students with disabilities. *Journal of Educational and Psychological Consultation*, 20, 1–8. doi:10.1080/104674410903535398
- Chandroo, Roshini; StrnadovÃ, Iva; Cumming, Therese M. 2020. Is it really student-focused planning? Perspectives of students with autism. *Research in Developmental Disabilities*, 107, 103783–. doi:10.1016/j.ridd.2020.103783
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River: NJ Pearson.
- Friend, M. 2018. *Collaboration in special education*. In A. Reilly & C. Schweitzer (Eds.), *Special education: Contemporary perspectives for school professionals* (5th ed., 93–123). Pearson.
- Fu, Wangqian; Lu, Sha; Xiao, Fei; Wang, Mian 2018. A social–cultural analysis of the IEP practice in special education schools in China. *International Journal of Developmental Disabilities*,1–13.doi:10.1080/20473869.2018.1482853
- Gazali Darusalam dan Sufean. 2016. *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. KualaLumpur : Penerbit Universiti Malaya
- Goodwin, K., Farquharson, K., Yeager Pelatti, C., Schneider-Cline, W., Harvey, J.,& Bush,E.(2022).Examining the quality of individualized education program (IEP) goals for children with traumatic brain injury (TBI).

- Communication Disorders Quarterly, 43(2), 96104. <https://doi.org/10.1177/1525740120976113>
- Gonzales, Sandra M.; Gabel, Susan L. 2017. Exploring Involvement Expectations for Culturally and Linguistically Diverse Parents: What We Need to Know in Teacher Education. *International Journal of Multicultural Education*, 19(2), 61–. doi:10.18251/ijme. v19i2.1376
- Hott, Brittany L.; Jones, Beth Ashby; Rodriguez, Jacqueline; Brigham, Frederick J.; Martin, Amelia; Mirafuentes, Minerva .2019. Are Rural Students Receiving FAPE? A Descriptive Review of IEPs for Students With Social, Emotional, or Behavioral Needs. *Behavior Modification*, 014544551882510. doi:10.1177/0145445518825107
- Kate MacLeod, Julie N. Causton, Mary Radel & Patrick Radel .2017. Rethinking the Individualized Education Plan process: voices from the other side of the table, *Disability & Society*, doi: 10.1080/09687599.2017.1294048
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2000. *Buku Panduan RPI Murid-murid Khas*, Unit Kurikulum Program Bermasalah Pembelajaran, Bahagian Pendidikan Khas.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2004. *Bagi memastikan keberkesanan kurikulum ini (kurikulum alternatif), Rancangan Pendidikan Individu (RPI) setiap murid hendaklah disediakan*. Pekeliling Ikhtisas Bil/ 7/2004.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Peraturan-peraturan pendidikan (Pendidikan Khas)*. *Warta Kerajaan Persekutuan*. (P. U. (A) 230). Jabatan Peguam Negara.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Pelaksanaan RPI secara dalam talian bagi murid berkeperluan khas*. Pekeliling ikhtisas KPM. BPKHAS. 200-4/1/3Jld.2(54) para 5(b) dan 5(d).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Rancangan pendidikan individu secara dalam talian (eRPI)*. Panduan Pengguna.
- Kozikoğlu, I., & Albayrak, E. N. (2022). Teachers' Attitudes and the Challenges They Experience Concerning Individualized Education Program (IEP): A Mixed Method Study. *Participatory Educational Research (PER)*, 9(1), 98–115. <https://doi.org/10.17275/per.22.6.9.1>
- Kyrie, E. D. 2017. The Individuals with Disabilities Education Act (IDEA), part B: key statutory and regulatory provisions. *Congressional Research Service*, 8-10. <https://fas.org/sgp/crs/misc/R41833.pdf>
- MacLeod, Kate; Causton, Julie N.; Radel, Mary; Radel, Patrick .2017. Rethinking the Individualized Education Plan process: voices from the other side of the table. *Disability & Society*, 32(3), 381–400. doi:10.1080/09687599.2017.1294048
- McLeskey, J., Barringer, M.-D., Billingsley B., Brownell, M., Jackson, D., & Ziegler, D. 2017. High-leverage practices in special education. Arlington, VA: *Council for Exceptional Children & CEEDAR Center*. Retrieved from <http://ceedar.education.ufl.edu/portfolio/ccsc-2017-high-leverage-practice>
- McWayne, C., Hyun, S., Diez, V., & Mistry, H. 2021. “We feel connected and like we belong”: A parent-led, staff-supported model of family engagement in early childhood. *Early Childhood Education Journal*. <https://doi.org/10.1007/s10643-021-01160-x>
- Mereoiu, Mariana; Abercrombie, Sara; Murray, Mary; Tong, Kar-Wai .2016. One step closer: Connecting parents and teachers for improved student outcomes. *Cogent Education*, 3(1). doi:10.1080/2331186x.2016.1243079
- Mofield, E., & Phelps, V. 2020. Collaboration, coteaching, and coaching in gifted education: Sharing strategies to support gifted learners. *Waco, TX. Prufrock Press*.

- Moser Opitz, E., S. Pool Maag, and D. Labhart. 2019. Individual Education Plans: An Important Tool for Instruction or a Bureaucratic Exercise? An Empirical Study on the Implementation of Individual Education Plans. *Empirische Sonderpädagogik*, 11 (3): 210–224
- Nasibah Omar Zuhdi. 2020. *Instrumen soal selidik Amalan Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)*. Penerbit USM, Pulau Pinang
- Ng Rou Shan, Rosadah Abd Majid. 2020. Pelaksanaan intervensi terapi cara kerja untuk murid berkeperluan khas. *Jurnal Dunia Pendidikan*, e-ISSN: 2682-826X | Vol. 2, No. 1, 58-81
- Ní Bhroin, Órla; King, Fiona .2019. Teacher education for inclusive education: a framework for developing collaboration for the inclusion of students with support plans. *European Journal of Teacher Education*, 1–26. doi:10.1080/02619768.2019.1691993
- Nilsen, Sven .2016. Special education and general education – coordinated or separated? A study of curriculum planning for pupils with special educational needs. *International Journal of Inclusive Education*, 1–13. doi:10.1080/13603116.2016.1193564
- Nor Asmah, Mohd Isa & Maimun Aqsha Lubis. 2017. Konsep islamisasi ilmu dan penerapan pendidikan dlm intergrasi ilmu keunggulan pendidikan Islam, hlm.44-58. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Payne, G., & Payne, J. 2004. Key concepts in social research. *Sage*.
- Pellegrino, A., Weiss, M., & Regan, K. 2015. Learning to collaborate: General and special educators in teacher education. *The Teacher Educator*, 50, 187-202. doi:10.1080/08878730.2015.1038494
- Pitts, Laura; Gent, Stacey; Hoerger, Marguerite L. 2019. Reducing pupils' barriers to learning in a special needs school: integrating applied behaviour analysis into Key Stages 1–3. *British Journal of Special Education*, 46(1), 94–112. doi:10.1111/1467-8578.12251
- Powell, Justin J. W. 2020. Comparative education in an age of competition and collaboration. *Comparative Education*, 1–22. doi:10.1080/03050068.2019.1701248
- Rasinger, S. M. 2013. *Quantitative research in linguistics: An introduction*. A & C Black.
- Russo, Charles J. 2019. The rights to educational self-determination under the Individuals with Disabilities Education Act. *International Journal of Inclusive Education*, 113. doi:10.1080/13603116.2019.1580926
- Sara E. Luke, S. Michelle Vaughn; 2021. Embedding Virtual Simulation Into a Course to Teach Parent–Teacher Collaboration Skills. *Intervention in School and Clinic*. doi:10.1177/10534512211014873
- Shahidan, S., & Ling, Y.L. 2017. Pembentukan sahsiah berkualiti melalui penghayatan kurikulum pengajian Islam: Satu kajian korelasi di Politeknik. *Conference Paper: National Conference in Thinking Culture (NCTC)*, 1 (03).
- Shaw A., .2018. Promise to keep encouraging meaningful parent participation withint the IEP process. *EP Magazine*, 24.
- Singh, Shailen; Keese, Jeffrey. 2020. Applying systems-based thinking to build better IEP relationships: a case for relational coordination. *Support for Learning*, 1467-9604.12315–. doi:10.1111/1467-9604.12315
- Taherdoost, H. 2016. Sampling methods in research methodology; How to choose a sampling technique for research. *International Journal of Academic Research in Management*, 5(2), 18-27
- Torres-Burgo, Nydia; Reyes-Wasson, Pamela; Brusca-Vega, Rita .1999. Perceptions and needs of Hispanic and non-Hispanic parents of children receiving learning disabilities services. *Bilingual Research Journal*, 23(4), 373–387. doi:10.1080/15235882.1999.10162741
- UNESCO. 2021. Education for All: Meeting our collective commitments: *Dakar Frameworkfor Action*. Paris: UNESCO.

- Wan Nornajmiwati Wan Ab Rahman, Zaharah Hussin, Asri B. Md Saman@Osman.2018. peranan guru dalam menerapkan konsep ekologi spiritual untuk meningkatkan domain spiritual murid pendidikan khas. *The online journal of islamic education*, Vol. 6, Issue 2
- Williams-Diehm, L. K., Brandes, A. J., Chestnut, W. P., & Haring, A. K. 2014. Student and parent IEP collaboration: A comparison across school settings. *Rural Special Education Quarterly*, 33(1), 3- 11
- Zaaim, K., Mohd Nor, M. Y., & Surat, S. (2019). Tahap kompetensi guru (pdpc) SKPMG2 dan tahap kemenjadian murid. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(27), 51-62